

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

PEPERIKSAAN SEMESTER PERTAMA
SIDANG AKADEMIK 1996/97

Oktober/November 1996

FCP 451:Konsep Asas Farmasi Klinikal

Masa: (3 Jam)

Kertas ini mengandungi LIMA (5) soalan dan 23 muka surat yang bertaip.

Jawab EMPAT (4) soalan sahaja.

Soalan 1 adalah wajib dan mesti dijawab di atas skrip yang disediakan.

Semua soalan mesti dijawab dalam Bahasa Malaysia.

...2/-

ANGKA GILIRAN: _____

(FCP 451)

C. Yang manakah di antara berikut adalah benar berkenaan jangkitan kaki pesakit diabetes?

- (a) Terapi antibiotik mesti dimulakan segera sebelum keputusan kultur dan sensitiviti diperolehi.
- (b) Harga drug tidak mempengaruhi penentuan drug yang dipilih.
- (c) Tapak pengambilan spesimen bagi kultur dan sensitiviti tidak mempengaruhi jenis organisma yang dikultur.
- (d) Kloksasilin boleh dimulakan terus jika organisma yang disyaki adalah spesies *Bacteroides*.

D. Yang mana di antara antibiotik berikut merupakan rawatan pilihan untuk demam tifoid?

- (a) Ciprofloksasin
- (b) Sefoperazon
- (c) Ampisilin
- (d) Kloramfenikol

...4/-

ANGKA GILIRAN: _____

(FCP 451)

G. Yang mana di antara drug-drug antiinflamatori bukan steroid (NSAID) berikut paling kurang mengakibatkan ulser peptik?

- (a) Oksifenbutazon.
- (b) Indometasin.
- (c) Piroksikam.
- (d) Asid mefenamik.

H. Analgesik yang paling sesuai untuk rawatan nyeri teruk kronik bagi pesakit yang mengalami penyusutan fungsi renal ialah

- (a) Sulindak.
- (b) Diflunisal.
- (c) Meperidin.
- (d) Morfina

I. Yang mana di antara analgesik narkotik berikut mempunyai kesan mudarat halusinasi dan euforia?

- (a) Pentazosin.
- (b) Morfin.
- (c) Meperidin.
- (d) Fentanil.

...6/-

ANGKA GILIRAN: _____

(FCP 451)

K. Yang manakah di antara berikut tentang penggunaan antibiotik dalam ZMY adalah benar?

- (a) Vankomisin tidak menembusi CSF dengan sempurna walaupun terdapat inflamasi meninges.
- (b) Antibiotik hanyalah dapat dimulakan dalam ZMY setelah keputusan kultur dan sensitiviti diketahui.
- (c) Kloramfenikol (CMC) tidak disarankan dalam rawatannya.
- (d) Penisilin-G tidak boleh diberikan bersama CMC kerana kemungkinan berlakunya interaksi drug-drug.

L. Yang manakah di antara keabnormalan makmal berikut paling mungkin berlaku dalam ZMY?

- (a) Trombositopenia.
- (b) Leukositosis.
- (c) Anemia.
- (d) Pansitopenia.

...8/-

ANGKA GILIRAN: _____

(FCP 451)

N. Yang manakah di antara antibiotik/gabungan antibiotik berikut adalah paling tidak sesuai sebagai rawatan awal IE dalam MBB?

- (a) Ampisilin IV 1G QID dan CMC IV 1G QID.
- (b) Penisilin G IV 5 Mega unit QID dan streptomisin IM 750 mg QD.
- (c) Vankomisin IV 500 mg TDS dan gentamisin IV 80 mg TDS.
- (d) Ampisilin IV 1G QID dan gentamisin IV 80 mg TDS.

O. Yang manakah di antara komplikasi-komplikasi berikut cenderung untuk berlaku dalam MBB?

- I. Kegagalan renal.
- II. Kegagalan jantung.
- III. Infarksi miokardium akut.
- IV. Kegagalan hepar.

- (a) (I) dan (III) sahaja.
- (b) (II) dan (IV) sahaja.
- (c) (I), (II) dan (III) sahaja.
- (d) (I), (II), (III) dan (IV).

...10/-

ANGKA GILIRAN: _____

(FCP 451)

S. Kesatuan sekunder

- (a) berlaku bila cantuman tisu mudah diusahakan.
- (b) memakan masa antara seminggu hingga sebulan.
- (c) berlaku pada parut yang terbuka.
- (d) berbeza dari kesatuan primer dari segi proses pataloginya.

T. Komplikasi penyembuhan parut termasuk

- (a) keloid.
- (b) regenerasi.
- (c) granulasi.
- (d) devaskularisasi.

U. Fibrosis adalah natijah akhir kepada kesemua berikut kecuali ...

- (a) penyembuhan parut.
- (b) inflamasi akut.
- (c) inflamsi kronik.
- (d) pernanahan.

...12/-

ANGKA GILIRAN: _____

(FCP 451)

Y. Yang mana di antara kawasan-kawasan geografi berikut disyaki membiak *P. falciparum* rintang - klorokuin?

- (a) Bangi, Selangor.
- (b) Ipoh, Perak.
- (c) Alor Star, Kedah.
- (d) Kuala Lipis, Pahang.

(25 Markah)

...14/-

Soalan 2

AMN merupakan seorang lelaki 60-tahun yang dimasukkan ke hospital selepas terlibat di dalam kemalangan jalan raya. Beliau tidak sedarkan diri untuk seketika selepas kemalangan. Pemeriksaan fizikal tidak menunjukkan sebarang keabnormalan kecuali sedikit kemerahan di kulit dan kesakitan sederhana di bahagian bawah abdomennya. Kateter Foley telah dimasukkan untuk membantu pengeluaran kencing. Selepas 3 hari di hospital, beliau mengalami demam, kesejukan dan kesakitan di bahagian "groin". Satu lesi eritema telah dikesan di tapak suntikan IV. Beliau kemudiannya didiagnoskan mengalami jangkitan.

Tanda-tanda vital:

Tekanan darah 155/90 mm Hg.; P 90/min;
RR 23/min; T 39 °C

Laporan Makmal:

Hb dan Hct adalah di dalam julat normal.
Urea darah dan WBC meningkat sedikit.

Laporan mikrobiologi:

Keputusan kultur dan sensitiviti masih dinanti.

- A. Apakah faktor-faktor dalam AMN yang memudahkan dia mendapat jangkitan?

(5 Markah)

...15/-

Soalan 3

AHH, seorang lelaki Melayu berumur 19 tahun telah dirujuk daripada Pusat Kesihatan. Beliau telah dirawat selama seminggu di Pusat tersebut kerana mengalami kakeksia dan kekuningan di bahagian sklera dan tubuh.

Hasil pemeriksaan fizikalnya adalah seperti berikut:
Berat badan 38 kg, sedar dan waras tetapi pucat.

VS BP 120/80 mm Hg; PR 92/min;
Temp 37.6 °C

CVS normal S₁, S₂ dan tiada murmur.

Paru-paru krepitasi di bahagian tengah paru-paru.

X-ray opasiti apikal dengan kavitasi

Abdomen lembut dan tiada kesakitan
L°, S°, K°.

Sistem-sistem organ yang lain adalah dalam julat normal.

Keputusan makmal: (pada kemasukan)

Na⁺ 133 mmol/L; K⁺ 4.0 mmol/L;
Urea 3.2 μmol/L

RBS 4.5 mmol/L

Kreatinin 73 mmol/L;
Asid urik 279 μmol/L

TP 79 g/L; AST 58 IU/L; ALP 177 IU/L;
ALT 43 IU/L; Albumin 29 g/L; Globulin 50 g/L; A:G 0.58;

Hb 6.8 g/dL; WBC 9.6 X 10³/mm³

AFB sputum - positif untuk *Mycobacterium tuberculosis*.

...17/-

(FCP 451)

- C. Senaraikan indikasi bagi drug bukan anti TB yang dipreskripsi kepada AHH.

(2 Markah)

- D. Huraikan bagaimana anda akan memberikan kaunseling anti TB kepada AHH.

(5 Markah)

Soalan 4

- A. Seorang ahli sukan bina badan telah pengsan semasa menjalani latihan di gimnasium dan telah dibawa ke hospital.

Cadangkan ujian fungsi renal yang paling sesuai bagi menilai status renal pesakit ini. Bincangkan mengapa anda mencadangkan ujian berkenaan.

(8 Markah)

- B. Seorang pesakit wanita yang mengidap hipertensi telah dimasukkan ke wad kerana mengalami hipotensi ortostatik. Keputusan ujian-ujian klinikal makmal yang telah dilakukan ialah:

Hemoglobin 9 g/dl; Sel darah putih total 6000/mm³;
Platelet 250,000/mm³

Bilirubin total 55 µmol/L; Bilirubin konjugat 5 µmol/L; AST 30 IU/L; Fosfatas alkali 50 IU/L

Urea darah 6.5 mmol/L

...19/-

(FCP 451)

- D. Rawatan antimikrobial untuk jangkitan saluran kencing wanita hamil tak berkomplikasi.
- E. Organisme penjangkit artritis septik dikalangan kanak-kanak dan rawatannya.

(25 Markah)

...21/-

13.	pO ₂	75 - 100 mmHg	
14.	pH	7.35 - 7.45	
15.	Acid phosphatase		
	Male	0.13 - 0.63 IU/ml	
	Female	0.101 - 0.65 IU/ml	
16.	Alkaline phosphatase	39 - 117 IU/L	
17.	Phosphorous	3.0 - 4.5 mg/dL	1.0 - 1.5 mmol/L
18.	Potassium (K ⁺)	3.5 - 5.0 mEq/L	3.5 - 5.0 mmol/L
19.	Calcium (Ca ²⁺)	8.5 - 10.5 mg/dL	2.1 - 2.6 mmol/L
20.	Sodium (Na ⁺)	135 - 145 mEq/L	135 - 145 mmol/L
21.	Bicarbonate (HCO ₃ ⁻)	24 - 38 mEq/L	24 - 28 mmol/L
22.	Protein		
	- Total	6.0 - 8.5 g/dL	60 - 85 g/L
	- Albumin	3.5 - 5.0 g/dL	35 - 50 g/L
	- Globulin	2.3 - 3.5 g/dL	23 - 35 g/L
	- Transferrin	200 - 400 mg/dL	2.0 - 9.0 g/L
23.	Transaminase (SGOT)	0 - 40 IU/L	0 - 0.32 μmol s ⁻¹ /L
24.	Blood Urea	21 - 43 mg/dL	3.5 - 7.3 mmol/L
25.	Uric Acid	3 - 7 mg/dL	0.18 - 0.42 mmol/L